# MEMO PEJABAT MARA INDONESIA/SEGERA

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA

MAJLIS AMANAH RAKYAT(MARA)
Lantai 2,Jabatan Penuntut Malaysia
Jl H.R. Rasuna Said Kav X/6
Kuningan, Jakarta Selatan 12950
INDONESIA.

Telefon :( 021) 52920608
Fax : (021) 52920609
HP : 085710447777

Website: http://www.mara.gov.my

Website: http://www.maraindo.gov.my

---

Ruj. Kami : PMI/2/2Klt. II (44)

Tarikh: 10 September 2009

**SEMUA PELAJAR-PELAJAR TAJAAN MARA**
**DI INDONESIA**

Saudara/i,

**MAKLUMAN: KENYATAAN AKHBAR DARIPADA MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA BERKENAAN KEADAAN DI REPUBLIK INDONESIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Perbincangan bersama pihak Kedutaan Besar Malaysia, Jakarta pada hari ini adalah berkaitan.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar Bertarikh 09 September 2009 Berkenaan Keadaan di Republik Indonesia.

Pejabat MARA Indonesia akan sentiasa memantau dan memberikan maklumat kepada pelajar-pelajar tajaannya berkaitan situasi ini. Buat masa ini, keadaan di Republik Indonesia masih terkawal.

Walau bagaimanapun, pelajar dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dan meningkatkan keselamatan diri masing-masing.

Justeru, sekiranya saudara/i ingin memberikan sebarang maklum balas atau melaporkan kes-kes sekiranya berlaku, sila hubungi Bilik Operasi Kedutaan Besar Malaysia, Jakarta atau pegawai-pegawai di Pejabat MARA Indonesia seperti maklumat di Lampiran.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"**

**T/T**

**NOR UYON BINTI SHOIB**
Pengarah MARA Indonesia
Kedutaan Besar Malaysia
Jakarta

sk. i. Pengarah,
Bahagian Penganjuran Pelajaran
MARA

**Alamat dan No. Tel. Pegawai-pegawai Pejabat MARA Indonesia**

1. **Puan Nor Uyon Shoib**
   Pengarah MARA Indonesia
   Tel: 0857 1044 7777
   Emel: nuyon@mara.gov.my atau nuyon@indosat.blackberry.com

   Alamat Rumah:
   Bp.4 Tingkat 29
   The Bellagio Residence
   Kawasan Antarabangsa
   Mega Kuningan

2. **En. Jafri Abd. Majid**
   Penolong Pengarah MARA Indonesia
   Tel: 0858 1384 4724
   Emel: jafri@mara.gov.my

   Alamat Rumah:
   Unit 6A Tingkat 6
   Ambassador Apartment, Jl. Prof. Dr. Satrio,
   Kuningan, Jakarta

3. **Puan Jamilah Shariff**
   Pembantu Tadbir MARA Indonesia
   Tel: 0818 0617 9612
   Emel: jamilah@mara.gov.my

   Alamat Rumah:
   Unit 28D Tingkat 28
   Ambassador Apartment, Jl. Prof. Dr. Satrio,
   Kuningan, Jakarta

4. **En. Aszmi Mohamad**
   Pembantu Tadbir MARA Indonesia
   Tel: 0878 8134 1922

   Alamat Rumah:
   Unit 28D Tingkat 28
   Ambassador Apartment, Jl. Prof. Dr. Satrio,
   Kuningan, Jakarta

**FOR IMMEDIATE RELEASE**

## PRESS STATEMENT BY FOREIGN MINISTER OF MALAYSIA ON SITUATION IN REPUBLIC INDONESIA

Malaysia expresses grave concern on the actions of certain quarters in the Republic of Indonesia which are intended to spark conflicts between the peoples of Malaysia and Indonesia. Allegations and accusations by certain sections of the Indonesian media as well as related incidents such as 'sweeping' operations targeted at Malaysians in Indonesia, burning of the Malaysian flag and demonstrations at Malaysian Embassy in Jakarta have given rise to controversy as well as negative perceptions by the people of both countries which may be detrimental to the long-standing bilateral relations.

The Ministry of Foreign Affairs of Malaysia urges the Government of the Republic Indonesia to take the necessary actions in order to ensure the welfare and well-being of Malaysian citizens in Indonesia are taken care of, as well as to ensure that such aggressive actions of certain extremists in Indonesia are curtailed immediately.

In this regard, on 9 September 2009 The Hon. Datuk Anifah Aman, Foreign Minister of Malaysia has summoned H.E. Tan Sri Da'I Bachtiar, The Ambassador of the Republic of Indonesia to Malaysia, to express Malaysia's position on the conflicting issues which has resulted in the deterioration of the bilateral relations of both countries. H.E. The Ambassador of Indonesia has contacted the Minister of Foreign Affairs of Indonesia as well as the Chief of the Indonesian National Police, who have assured that necessary measures will be taken to ensure the security of Malaysian citizens in Indonesia.

So far, there has been no report on any injuries or fatalities among Malaysians in Indonesia. The Ministry of Foreign Affairs and the Embassy of Malaysia in Jakarta will continue to monitor the situation closely and will issue reports accordingly.

To this end, the Ministry of Foreign Affairs and the Embassy of Malaysia in Jakarta have set up Operation Rooms, to receive reports of any related incidents from members of the public, especially from Malaysian citizens currently in Indonesia. The Operation Rooms can be contacted at:

**Ministry Of Foreign Affairs (Wisma Putra), Putrajaya Operation Room:**

**Tel. : 03-88892746 / 03-88874750**

**Embassy of Malaysia, Jakarta Operation Room**

**Tel. : +6221-5224947 / +6221-5224971**

**MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS**
**PUTRAJAYA**
9 September 2009

**FOR IMMEDIATE RELEASE**

# KENYATAAN AKHBAR DARIPADA MENTERI LUAR NEGERI BERKENAAN KEADAAN DI REPUBLIK INDONESIA

Kerajaan Malaysia melahirkan rasa kesal dengan tindakan sesetengah pihak di Republik Indonesia yang sengaja mencetuskan perselisihan di antara rakyat Malaysia dan Republik Indonesia. Tuduhan daripada beberapa pihak media Indonesia serta tindakan-tindakan berkaitan seperti operasi mencari dan menghalau orang Malaysia dari Indonesia, membakar bendera Malaysia, serta demonstrasi di depan Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di Indonesia telah membangkitkan kontroversi serta tanggapan negatif rakyat kedua negara yang mungkin akan merenggangkan hubungan dua hala yang sekian lama terjalin.

Kementerian Luar Negeri meminta Kerajaan Republik Indonesia agar mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat Malaysia yang berada di Indonesia dapat dipelihara dan memastikan tindakan agresif beberapa pihak pelampau di Indonesia ini dapat dibendung dengan segera.

Dalam hal ini, pada 9 September 2009 Y.B. Datuk Anifah Aman, Menteri Luar Negeri telah memanggil T.Y.T. Tan Sri Jen. (B) Da'i Bachtiar, Duta Besar Republik Indonesia ke Malaysia, untuk menyatakan pendirian Malaysia berkenaan isu konflik yang telah mengakibatkan kepincangan di dalam hubungan dua hala kedua negara.  T.Y.T. Duta Besar Republik Indonesia telah pun menghubungi Menteri Luar Negeri Republik Indonesia dan Ketua Polis Republik Indonesia, dan pihak Indonesia memaklumkan bahawa tindakan yang sewajarnya akan diambil untuk memastikan keselamatan rakyat Malaysia di Indonesia.

Setakat ini, tiada laporan mengenai kecederaan atau kematian rakyat Malaysia di Indonesia. Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta akan terus mengawasi dan memantau situasi di Indonesia dan akan melaporkan sebarang kejadian .

Sehubungan dengan ini, Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta telah menubuhkan Bilik Operasi bagi orang ramai, khususnya rakyat Malaysia yang berada di Republik Indonesia, untuk melaporkan kes-kes sekiranya berlaku. Bilik-bilik Operasi tersebut boleh dihubungi melalui:

**Bilik Operasi Kementerian Luar Negeri, Putrajaya**

**Tel. : 03-88892746 / 03-88874750**

**Bilik Operasi Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta**

**Tel. : +6221-5224947 / +6221-5224971**

**KEMENTERIAN LUAR NEGERI**
**PUTRAJAYA**
9 September 2009